



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20/3/2019	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JPS / IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

IWK tidak lepaskan air sisa terawat ke Sungai Kim Kim

KUALA LUMPUR – Loji rawatan kumbahan yang diselenggara Indah Water Konsortium (IWK) tidak melepaskan air sisa dirawat ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman berkata, terdapat tujuh loji rawatan kumbahan dan tujuh stesen pam di Pasir Gudang diselenggara IWK.

Namun, katanya, air sisa terawat dari loji-loji ini dilepaskan ke Sungai Masai setelah mematuhi piawaian tinggi ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Terdapat beberapa loji rawatan kumbahan di kawasan Pasir Gudang yang diselenggara pihak lain.

"Minggu lepas, beberapa pakar kualiti air telah menjalankan kajian ke atas campuran sisa toksik yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, semua kakitangan IWK yang bertugas di loji-loji berkaitan akan sentiasa mengikut prosedur keselamatan ditetapkan pihak berkuasa dan juga syarikat.

"Kakitangan kami telah diberi takdimat mengenai keselamatan berkaitan bahan kimia. Kami juga memantau Indeks Kualiti Udara dikeluarkan JAS bagi kawasan terbabit setiap hari dan memaklumkan kepada kakitangan kami di loji-loji ini," katanya.